

## **Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dengan klien Saudara Kita di Malaysia**

### **Penulis Bersama:**

Samsiah Jayos<sup>1</sup>

Faizah Abd Ghani (PM Dr<sup>2</sup>

Lokman Mohd Tahir (PM Dr)<sup>3</sup>

Kamarul Azmi Jasmi (Dr)<sup>4</sup>

### **Institusi:**

<sup>1</sup> Program Kaunseling,

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,

Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

<sup>2,3</sup> Faculty of Educations, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia

<sup>4</sup> Faculty of Islamic and Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia

### **Emel:**

[1samsiah@unimas.my](mailto:1samsiah@unimas.my)

[2faizah-ag@utm.my](mailto:2faizah-ag@utm.my)

[3p-lokman@utm.my](mailto:3p-lokman@utm.my)

[4qamar@utm.my](mailto:4qamar@utm.my)

## **ABSTRAK**

Membuat keputusan masuk Islam bukan satu perkara yang mudah kepada saudara kita. Malah, adakalanya mereka terpaksa berdepan dengan cabaran kehidupan seperti dibuang keluarga, masalah kebajikan dan ekonomi, penyesuaian hidup serta tekanan psikologi amat membimbangkan. Pengelibatan organisasi samada badan kerajaan dan bukan kerajaan dalam proses tolong bantu klien saudara kita tidak dinafikan kepentingannya dalam usaha kaunselor membantu golongan ini menangani cabaran tersebut. Fokus kajian ini ingin bertumpu kepada badan bukan kerajaan yang terlibat dalam membantu klien saudara baru. Sehubungan itu, kajian ini dibuat untuk mengenal pasti badan bukan kerajaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang diperolehi melalui temubual dengan kaunselor di Majlis Jabatan Agama Islam di Malaysia dan Jabatan Agama Islam di Borneo. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Kajian ini melibatkan empat (4) kaunselor dari Majlis Agama Islam dan seorang kaunselor dari Jabatan Agama Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan N'Vivo 10.0 untuk analisis data untuk membangunkan tema dan sub tema yang berkaitan dengan kajian ini. Penemuan menunjukkan bahawa terdapat sepuluh badan bukan kerajaan iaitu sepuluh (10) sub tema yang terdiri; Lembaga Kaunselor Malaysia, Unit Saudara Baru, Unit Ukhwah, Pusat Saudara Baru Darul Saadah, Darul Ukhwah Yayasan Kasih Sayang, Badan Sukarelawan, Persatuan Muslim Cina Malaysia (MACMA), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Skuad Mubaligh Seremban. Kesimpulannya, kajian ini boleh digunakan sebagai panduan bagi kaunselor untuk menyediakan maklumat badan bukan kerajaan yang dapat mudah cara, tolong bantu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk klien saudara kita yang apabila masuk Islam mereka banyak berdepan dengan cabaran hidup dari pelbagai sudut. Apa yang membimbangkan jika tidak dibantu dengan sebaiknya, jalan penyelesaian terakhir yang mereka pilih adalah kembali kepada agama asal mereka iaitu murtad.

**Kata kunci:** Badan bukan kerajaan, Organisasi, sistem sokongan, klien dan saudara kita

## PENGENALAN

Kaunseling berfungsi sebagai perkhidmatan untuk membantu dan menyokong proses pembangunan manusia di Malaysia (Suradi & Rafidah Aga, 2005). Perkhidmatan ini telah wujud selama hampir 57 tahun sejak tahun 1960 dan telah berkembang dari sekolah ke peringkat organisasi (Mohamed Sharif et al., 2005). Kaunseling kini semakin popular di organisasi kerajaan atau sektor swasta. Saudara kita adalah antara kelompok sosial yang perlu diberi perhatian kerana mereka berdepan dengan pelbagai masalah yang berkaitan dengan keluarga, rakan sekerja, jiran dan orang lain dalam kehidupan (Anis et al., 2009). Oleh itu, mereka memerlukan sokongan untuk menangani kehidupan emosi, fizikal, intelektual dan rohani serta psikologi mereka (Samsiah et al., 2014). Selain bimbingan dan kaunseling, sokongan organisasi yang berkaitan juga amat penting dalam proses tololng bantu golongan ini (Loh, 2005; Nidzam, 2009). Bantuan dari organisasi terutama badan bukan kerajaan (NGO) bersama kaunselor untuk membantu Klien saudara kita amat membantu klien demi kesejahteraan mereka (Michalos, 2001; Othman, 2008).

## TEORI

Dua (2) teori yang dikenalpasti ada kaitan dengan topik ini. Antaranya, merujuk Alken, et al., (2007) Teori Tugas dan Keberkesanan Sistem Sokongan Kumpulan, menyentuh mengenai kepentingan mengatur keperluan seseorang dalam hidupnya. Di samping itu, Hierarki Maslow (Henwood et al., 2015) juga relevan dengan keperluan seseorang sebelum seseorang mencapai tahap kehidupan yang sempurna. Teori-teori ini boleh dikaitkan dengan kehidupan saudara kita yang memerlukan kehidupan yang lebih baik dari segi keperluan sosial dan keselamatan serta mendapatkan jalan keadilan yang benar. Tahap pertama adalah fisiologi-fisiologi yang melibatkan keperluan asas seperti keperluan makan dan minum. Tahap kedua adalah tahap keselamatan yang merupakan keperluan seseorang merasa aman dan terjamin dari ancaman berbahaya yang merangkumi tempat yang selamat dan saling mendukung (Rosmizi, 2010). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengenalpasti penggunaan pendekatan Maslow oleh kaunselor untuk membantu klien saudara kita.

## METODOLOGI

Kajian ini dilakukan di Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam di Malaysia. Tumpuan utama dalam penyelidikan kualitatif adalah untuk mendapatkan data yang meluas dan mendalam (Cohen, Manion & Morrison, 2007). Data untuk kajian ini dikumpulkan menggunakan kajian kes dan melibatkan lima (5) kaunselor berdaftar dalam Organisasi Islam di Malaysia. Kajian ini berdasarkan pendekatan kualitatif dan data dianalisis dengan menggunakan N'Vivo 10.0 (Cashwell et al., 2001; Tiawa & Hafidz 2009). Sampel adalah sampel bertujuan iaitu kaunselor yang mempunyai pengalaman mengendalikan sesi kaunseling individu dengan klien saudara kita. Kaunselor juga memiliki kelulusan agama yang diiktiraf selain memiliki kelulusan khusus dalam bidang kaunseling. Kaunselor berlesen dan professional yang telah diiktiraf oleh Lembaga Kaunselor Malaysia.

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daptatan dari kajian. Jadual 1 merupakan maklumat demografi responden dan Jadual 2 menunjukkan daptatan tema badan bukan kerajaan dan sub tema badan bukan